

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini dan pelaksanaan Undi-18, Undang-Undang Anti-Lompat Parti dan mengehendkan tempoh jawatan Perdana Menteri tidak melebihi 10 tahun sepertimana yang termeterai dalam Memorandum Persefahaman bertarikh 13 September 2021.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya untuk memastikan perkara-perkara yang dimeterai dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan pada 13 September 2021 dilaksanakan dan dijayakan dalam tempoh yang ditetapkan. Antara perkara-perkara tersebut termasuklah pelaksanaan Undi-18, Rang Undang-Undang (RUU) Anti-Lompat Parti dan mengehendkan tempoh jawatan Perdana Menteri tidak melebihi 10 tahun.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas seperti berikut:

Dewan Rakyat	16 Julai 2019
Dewan Negara	25 Julai 2019

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik adalah meliputi:

- (i) pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan;
- (ii) penyediaan *standard operating procedures* (SOP); dan
- (iii) penyediaan sistem serta infrastruktur.

Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik seperti berikut:

- (i) membuat semakan maklumat bakal pemilih;
- (ii) membuat semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas;
- (iii) semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat;
- (iv) sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan;
- (v) program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih; dan
- (vi) menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang.

SPR sedang mengadakan proses Semakan Pra-Pendaftaran Pemilih Automatik (SPPA) sehingga 31 Oktober 2021. SPPA diadakan bertujuan memberi peluang kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas sehingga 31 Disember 2021 dan belum mendaftar sebagai pemilih untuk menyemak dan mengesahkan maklumat mereka dengan SPR sebelum didaftarkan sebagai pemilih secara automatik.

SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

Justeru, **SPR komited untuk memastikan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan berdasarkan kepada keputusan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuching, Sarawak pada 3 September 2021 yang lalu.**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usul Rang Undang-Undang (RUU) Anti-Lompat Parti dan mengehendkan tempoh jawatan Perdana Menteri tidak melebihi 10 tahun, Kerajaan memberi fokus terhadap keperluan melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak, badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan parti-parti politik apabila ada di antara perkara-perkara tersebut memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan atau gubalan RUU baharu sebagai suatu dasar baharu negara. Ini bagi memastikan RUU, peraturan dan dasar yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan mendapat sokongan semua pihak. Kerajaan juga akan turut mempertimbangkan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan RUU yang ingin dibentangkan dibawa untuk penelitian Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen terlebih dahulu, yang mana Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen boleh melibatkan pihak luar dalam menilai cadangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesemua perkara yang dinyatakan ini adalah keputusan dasar yang amat penting, yang mana perlu dipertimbang secara menyeluruh. Justeru, adalah wajar cadangan ini diperbincang dan diperhalusi secara bersama oleh kepimpinan semua parti komponen bi-partisan selain mengambil kira penglibatan pelbagai pihak berkepentingan termasuk badan bukan Kerajaan dan rakyat umumnya.

Oleh yang demikian, hasil perbincangan dan dapatan daripada sesi libat urus yang akan diadakan dianalisa dan dimuktamadkan sebagai parameter gubalan Rang Undang-Undang berkaitan atau undang-undang yang seumpamanya untuk sesi pembentangan yang dijangka pada sesi Parlimen 2022.

Sekian, terima kasih.